



**TEKS UCAPAN ALUAN  
Y.BHG. KPJR DATUK KAMARIAH BTE MOHD NOAH  
KETUA PENGARAH  
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP  
UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK RELA (UKMR)  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2016**

**PADA 2 JUN 2016  
JAM 4.00 PETANG**

**DI AKADEMI LATIHAN RELA MALAYSIA  
SUNGAI UDANG, MELAKA**

**“SETIA BERBAKTI”  
‘SEMANGAT JITU MENABUR BAKTI’**

**“Dari Rakyat, Bersama Rakyat, Untuk Rakyat”**



**TEKS UCAPAN ALUAN  
Y.BHG. KPjR DATUK KAMARIAH BTE MOHD NOAH  
KETUA PENGARAH  
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP  
UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK RELA (UKMR)  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2016**

**PADA 2 JUN 2016**

**DI AKADEMI LATIHAN RELA MALAYSIA  
SUNGAI UDANG, MELAKA**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ASSALAMUALAIKUM**

**WARAHMATULLAHI**

**WABARAKATUH**

**SALAM SEJAHTERA, SALAM 1MALAYSIA, SALAM  
1KDN DAN SALAM 1RELA**

YANG SAYA MULIAKAN SAUDARA/SAUDARI  
PENGACARA MAJLIS;

YANG BERBAHAGIA, DATO' RAIHAN BIN SHARIF  
TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
(OPERASI), JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA;

YANG BERUSAHA TKPjR TUAN HASHIM BIN SHIKH AB.  
KADIR, TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN);

YANG BERUSAHA TKPjR TUAN KAMARUDDIN BIN  
MOHD RAPIG, TIMBALAN KETUA PENGARAH  
(OPERASI);

BARISAN PESURUHJAYA RELA (PjR) TUAN-TUAN  
PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN IBU PEJABAT RELA  
MALAYSIA:

BARISAN PENGARAH-PENGARAH RELA NEGERI,  
KOMANDAN-KOMANDAN PUSAT LATIHAN, AHLI-AHLI  
KEHORMAT DAN BERSEKUTU RELA, PEGAWAI-  
PEGAWAI RELA, PEGAWAI-PEGAWAI RELASIS,  
RELAWAN DAN RELAWATI;

SEMUA PESERTA UKMR PERINGKAT KEBANGSAAN  
2016 DARI SELURUH NEGARA;

SEMUA PETUGAS MEDIK DARI JABATAN PERTAHANAN  
AWAM MALAYSIA (JPAM); DAN

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SERTA PARA HADIRIN  
YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT  
ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN  
KEIZINAN-NYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA  
MENJAYAKAN UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK RELA  
(UKMR) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2016 DI  
AKADEMI LATIHAN RELA MALAYSIA (ALARM) INI.

DI KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MERAKAMKAN  
UCAPAN PENGHARGAAN DAN SETINGGI-TINGGI  
TERIMA KASIH KEPADA YANG BERBAHAGIA, DATO'  
RAIHAN BIN SHARIF TIMBALAN KETUA PENGARAH  
PERKHIDMATAN AWAM (OPERASI), JABATAN  
PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA KERANA SUDI

HADIR PADA PETANG INI DAN SETERUSNYA MERASMIKAN PENUTUPAN UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK RELA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2016 SEBENTAR LAGI. KEHADIRAN YANG BERBAHAGIA DATO' RAIHAN BIN SHARIF, ORANG KUAT NOMBOR DUA (2) JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) TELAH MEMBERI ISYARAT JELAS KEPADA KITA BAHAWA PIHAK JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) SENTIASA MEMBERI KEUTAMAAN DAN PERHATIAN KEPADA KITA SEMUA SEBAGAI WARGA RELA.

SUKACITA SAYA NYATAKAN DISINI, PIHAK JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) TELAH MELULUSKAN **PENGSTRUKTURAN SEMULA DAN PEWUJUDAN JAWATAN BARU RELA BARU-BARU INI.** PENSTRUKTURAN SEMULA RELA TELAH MELIBATKAN

**PERTAMBAHAN PERJAWATAN SKIM KP DARI 66 PERJAWATAN KEPADA 130 JAWATAN MELIBATKAN SKIM KP GRED 48, 44, 38, 32, 26 DAN 22. SAYA UCAPKAN SEKALUNG PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) YANG TELAH MELULUSKAN PENGSTRUKTURAN SEMULA PERJAWATAN RELA. PENAMBAHBAIKAN PERJAWATAN KENAIKAN GRED SKIM KP DALAM RELA INI ADALAH SATU MANIFESTASI KERAJAAN ATAS SUMBANGAN DAN JASA YANG TELAH DIBERIKAN OLEH WARGA RELA SELAMA INI.**

**SATU (1) TEPUKAN UNTUK YANG BERBAHAGIA, DATO' RAIHAN BIN SHARIF, TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (OPERASI), JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA;**

YANG BERBAHAGIAN DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN  
PARA HADIRAN SEKALIAN;

SEBAGAIMANA SEDIA MAKLUM, UJIAN KEMAHIRAN  
MENEMBAK RELA TAHUN 2016 INI MERUPAKAN  
SATU ACARA TRADISI TAHUNAN DAN IANYA TERBUKA  
KEPADA SEMUA KATEGORI ANGGOTA YANG  
MELIBATKAN PENGGUNAAN SENAPANG PATAH DAN  
RIFLE M-16. MANAKALA BAGI KATEGORI PEGAWAI  
PULA, IA MELIBATKAN PENGGUNAAN PISTOL 9 MM  
DAN RIFLE M-16. TIDAK TERKECUALI JUGA BAGI  
KATEGORI JEMPUTAN DARI KALANGAN VIP DAN  
WAKIL MEDIA BAGI ACARA PISTOL 9 MM. KEPADA  
LAIN-LAIN AGENSI DAN JABATAN.



UNTUK MAKLUMAN SEMUA, WIRA PENEMBAK-  
PENEMBAK RELA TELAH DIDATANGI DARI SELURUH  
PELUSUK TANAH AIR TERMASUK DARI NEGERI SABAH  
DAN SARAWAK. KEBANYAKAN DARI MEREKA TELAH  
BERKAMPUNG DIBANDARAYA MELAKA BERSEJARAH  
INI SEMENJAK DARI SATU (1) MINGGU YANG LALU.  
MISI MEREKA SEMUA ADALAH UNTUK  
MENGUNGUNGULI SEBAGAI JAGUH RELAWAN DAN  
RELAWATI UKMR 2016 SERTA KEMENANGAN JITU  
BAGI NEGERI YANG DINOBATKAN SEBAGAI JUARA  
KESELURUAHAN.

YANG BERBAHAGIAN DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN  
PARA HADIRAN SEKALIAN;

OBJEKTIF UTAMA UKMR INI DIADAKAN ADALAH UNTUK  
UNTUK MENENTUKAN TAHAP KEMAHIRAN PEGAWAI

DAN ANGGOTA RELA DALAM PENGENDALIAN DAN PENGGUNAAN SENJATA API SERTA MENINGKATKAN DAYA SAING DAN KETAHANAN MENTAL ANGGOTA DALAM PEMBENTUKAN DISIPLIN SERTA JATI DIRI. INI DAPAT DIREALISASIKAN DENGAN TERAS STRATEGIK RELA, **MENDAYA UPAYA BAKAT** UNTUK MELAHIRKAN ANGGOTANYA DENGAN DAYA SAING DAN ILMU PENGETAHUAN YANG TINGGI, KOMPETENSI, BAKAT DAN KEMAHIRAN DALAM PELBAGAI BIDANG BAGI MENINGKATKAN PRESTASI, PRODUKTIVITI DAN DAYA INOVASI.

SELAIN DARI ITU, UKMR DAPAT **MEREKAYASA ORGANISASI** DALAM MENUMPUKAN KEPADA PENINGKATAN KEUPAYAAN DAN PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR ORGANISASI AGAR LEBIH DINAMIK,

TANGKAS DAN FLEKSIBEL SERTA BERUPAYA BERUBAH SUPAYA DAPAT MENYESUAIKAN DIRI UNTUK TERUS MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK MENGIKUT KEHENDAK DAN KEPERLUAN SEMASA.

UKMR JUGA DAPAT MEMPERERATKAN SERTA MEMUPUK SEMANGAT KEKITAAN, KEKELUARGAAN DIKALANGAN PEGAWAI DAN ANGGOTA RELA DALAM MEMBUDAYAKAN SEMANGAT PATRIOTISME, CINTAKAN NEGARA DAN DAYA TAHAN YANG TINGGI.

YANG BERBAHAGIAN DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PARA HADIRAN SEKALIAN;

UKMR PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2016 TELAH BERLANSUNG SELAMA EMPAT (4) HARI DAN PERSIAPAN DAN LATIHAN TELAH DILAKSANAKAN LEBIH SEBULAN YANG LALU MENGIKUT NEGERI MASING-MASING. DENGAN KOMITMEN DAN SEMANGAT JUANG YANG TINGGI, WARGA RELA YANG SINONIM DENGAN SENAPANG PATAH TIDAK AKAN MELEPASKAN PELUANG KEEMASAN INI UNTUK MERAH KEHEBATAN DAN SANJUNGAN SEBAGAI PENEMBAK TERBAIK JABATAN MALAH SEBAGAI NEGERI YANG TERBAIK MENCAPAI KEHEBATAN DALAM UKMR TAHUN 2016 INI. SAYA UCAPKAN SYABAS ATAS SEMANGAT WARGA RELA YANG TERLIBAT DALAM UKMR INI.

SEBELUM UJIAN KEMAHIRAN MENENBAK RELA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2016 INI MELABUH TIRAINYA, SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERBAHAGIA, DATO' RAIHAN BIN SHARIF TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (OPERASI), JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA YANG AKAN MERASMIKAN PENUTUPAN UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK RELA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2016.

KEPADA SEMUA AHLI JAWATANKUASA UKMR PERINGKAT KEBANGSAAN 2016 SERTA SEMUA URUSETIA YANG TELAH BERTUNGKUS LUMUS SEPANJANG UKMR INI DIADAKAN, SAYA UCAPKAN

SYABAS DAN TERIMA KASIH DIATAS KOMITMEN DAN KERJASAMA YANG TUAN-TUAN BERIKAN.

ALHAMDULILLAH, KITA SEMUA MERASA SYUKUR DENGAN IZIN ALLAH SWT, PENGANJURAN UKMR PADA KALI INI DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN BAIK DAN SELAMAT TANPA APA-APA KEMALANGAN DAN MUSIBAH YANG BERLAKU.

AKHIR KALAM, IZINKAN SAYA MEMETIK DUA (2)  
RANGKAP PANTUN UNTUK RENUNGAN KITA  
BERSAMA.

***NEGARA MAJU, AMAN SEJAHTERA  
BERKAT KEPIMPINAN YANG UTAMAKAN RAKYATNYA  
PERPADUAN TERBENTUK DEMI CINTAKAN NEGARA  
TRANSFORMASI BERJAYA, RAKYAT SEJAHTERA***

***WARGA RELA MENJULANG SENJATA  
DIKAGUMI TEMAN SEPANJANG HAYAT  
SATU MALAYSIA, SEBULAT KATA  
BUKTI PERSEFAHAMAN, PEMIMPIN DAN RAKYAT***

SEKIAN, WABILLAHIT TAUFIK WALHIDAYAH  
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH  
WABARAKATUH.

**“Dari Rakyat, Bersama Rakyat Dan Untuk Rakyat”**